

**AMANAT PERDANA MENTERI MENGENAI
GERAKAN PEMBAHARUAN KEPADA PEGA-
WAI-PEGAWAI KEMAJUAN NEGERI PADA
MESYUARAT YANG AKAN DIADAKAN PADA
HARI SELASA, DI BILIK GERAKAN PERDANA
MENTERI, KUALA LUMPUR, PADA 23HB
OKTOBER, 1973**

Tuan-tuan sekalian,

Seperti yang tuan-tuan sedia maklum, Gerakan Pembaharuan yang telah saya lancarkan di Dungun pada 6hb Ogos, 1972, adalah bertujuan terutamanya menyedarkan rakyat tentang perlunya penglibatan mereka dalam usaha-usaha pembangunan dan kerjasama mereka dengan Kerajaan dalam bidang pembangunan. Rakyat-rakyat yang dipentingkan dalam Gerakan Pembaharuan ini ialah terdiri daripada semua rakyat khususnya mereka yang berada di luar bandar.

Salah satu jentera yang penting di dalam melaksanakan rancangan-rancangan di bawah Gerakan Pembaharuan ialah Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan Kampung. Bagi saya Jawatankuasa Kemajuan Kampung adalah mustahak dalam usaha kita hendak membawa kemajuan kepada kampung-kampung kerana ahli-ahlinya adalah terdiri dari orang kampung itu sendiri dan mengetahui kehendak-kehendak dan masaalah yang dihadapi oleh rakyat-rakyat di situ. Itulah sebabnya saya telah mengarahkan supaya dihidupkan semula Jawatankuasa Kemajuan Kampung dan digiatkan aktiviti-aktivitinya. Untuk membolehkan saya sendiri mengikuti perkembangan aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Kemajuan Kampung, saya telah mengarahkan supaya tuan-tuan sekalian menyediakan senarai nama-nama ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung bagi tiap-tiap kampung dalam tiap-tiap daerah Negeri masing-masing. Saya mahu supaya Jawatankuasa Kemajuan Kampung dapat memainkan peranan penting dalam usaha Kerajaan untuk menyalur dan menggiatkan pembangunan di dalam kampung masing-masing. Kita mahu supaya ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung memainkan peranan yang aktif menjadi 'motivator and catalyst' dalam menjayakan Gerakan Pembaharuan dan rancangan-rancangan kemajuan keseluruhannya.

Bagi maksud ini adalah perlu bagi ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung terutamanya Pengerusi dan Setiausahanya mengetahui dan memahami serta merasa 'committed' terhadap rancangan pembangunan Negara, khasnya terhadap konsep Gerakan Pembaharuan. Tuan-tuan hendaklah memberi perhatian yang berat terhadap perjalanan Jawatankuasa Kemajuan Kampung dan memberi bimbingan serta tunjuk ajar kepada mereka untuk membolehkan mereka memainkan peranan mereka dengan sewajarnya. Dalam hal ini saya mahukan supaya tuan-tuan sekalian mengadakan kursus dari semasa ke semasa untuk ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung di Negeri masing-masing dengan tujuan mendapatkan 'commitment' dari mereka tentang Gerakan Pembaharuan dan memahami mereka tentang peranan mereka terhadap kemajuan kampung serta memaklumkan kepada mereka tentang projek-projek dan dasar-dasar yang diamalkan oleh Kerajaan untuk pembangunan Negara dan kemajuan kampung masing-masing khasnya.

Di peringkat Pusat pula, saya telah mengarahkan supaya diadakan kursus untuk ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung di Kuala Lumpur di samping kursus-kursus yang diadakan oleh tuan-tuan di Negeri masing-masing. Antara lain tujuan mengadakan kursus di Kuala Lumpur adalah untuk membolehkan ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung terutamanya yang aktif melawat bandar raya ini dan melihat dengan sendiri akan pembangunan yang giat berjalan di sekitar ibu Negara.

Saya berkehendakkan juga supaya tuan-tuan sendiri bersama-sama dengan Pegawai-pegawai Daerah yang berkenaan menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Kampung sekurang-kurangnya dua kali sebulan dan menghantar laporan kepada Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran terutamanya mengenai perkara-perkara berikut.

- (a) Nama ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung dan lain-lain yang hadir;
- (b) Perkara-perkara yang dibincangkan;
- (c) Pandangan mengenai mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Kampung berkenaan;
- (d) 'Response' ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung terhadap rancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan di kawasan mereka.

Selain daripada itu, pihak Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Masyarakat sedang juga merancang pertandingan kemajuan kampung. Pertandingan ini akan dijalankan antara kampung-kampung sesuatu daerah berdasarkan kepada kemajuan-kemajuan yang dapat dicapai oleh kampung tersebut bagi tempoh yang tertentu. Pertandingan ini akan dijalankan mulai pada 1hb Januari, 1974. Hadiah-hadiah untuk pertandingan ini akan dibiayai oleh Kerajaan Pusat bersama-sama dengan sumbangan dari Syarikat New Straits Times. Kerajaan-kerajaan Negeri mungkin juga akan dapat memberi sedikit sumbangan kewangan bagi menjayakan pertandingan ini. Tiap-tiap daerah akan diberi peruntukan tertentu untuk mengendalikan pertandingan ini.

Di samping itu Pesta-pesta Pembangunan Daerah-daerah dan Negeri-negeri hendaklah terus diadakan bagi tahun 1974 supaya aktiviti-aktiviti Gerakan Pembaharuan dapat berjalan dan diikuti oleh rakyat dan untuk membolehkan rakyat mendapat pengajaran dan petunjuk dari pesta-pesta ini. Dalam hal ini, saya berkehendakan supaya Kerajaan-kerajaan Negeri dan Badan-badan Kerajaan Persekutuan akan dapat memberi kerjasama untuk menjayakan Pesta-pesta Pembangunan ini.

Di samping kursus-kursus pusat yang akan diadakan di Kuala Lumpur, pihak Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Masyarakat juga sedang membuat rancangan talivisyen bersiri mengenai Gerakan Pembaharuan. Rancangan ini diisi dengan berita-berita dan temuramah-temuramah dengan rakyat biasa khususnya yang datang dari kampung yang telah berjaya dalam usaha-usaha pertanian, usaha-usaha perniagaan, 'Professional' dan sebagainya untuk dijadikan perbandingan dan dorongan serta contoh oleh rakyat-rakyat di kampung-kampung lain.

Selain daripada itu juga Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Masyarakat ada mengeluarkan majallah yang dinamakan 'Pembaharuan' untuk dikeluarkan tiga bulan sekali dan majallah ini akan mengandungi berita-berita kejayaan yang dicapai oleh rakyat-rakyat biasa dan makalah-makalah yang berguna dalam bidang-bidang pelajaran, kesihatan, ekonomi, perniagaan dan sebagainya. Adalah diharap tuan-tuan sekalian dapat memberi kerjasama terhadap pengeluaran majallah ini dan juga rancangan Talivisyen yang saya sebutkan tadi dengan menghantar makalah-makalah masing-masing dan berita-berita kejayaan dari kampung di Negeri-negeri masing-masing untuk dimuatkan di dalam majallah ini.